

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2011

Israel tembak Rachel Corrie

Kapal bantuan Palestin dipaksa berundur, berlabuh di pelabuhan Mesir

Dari Kaherah



SyedAzwan
Syed Ali
Wartawan



Rosdan Wahid
Jurugambar

KAPAL kargo *The Spirit of Rachel Corrie* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Palestin bersama 12 krew dan penumpang, termasuk tujuh rakyat Malaysia dipintas dan ditembak kapal peronda Israel di zon selamat Palestin, sebelum dipaksa berundur ke perairan Mesir, 1.5 batu nautika dari perairan Gaza jam 6.54 pagi waktu Jordan, semalam.

Bagaimanapun, semua yang berada atas kapal itu, termasuk empat aktivis anti-perang dan tiga wakil media selamat. Kapal yang dinaiki masing-masing dua warga Ireland dan India serta seorang warga Kanada itu membawa paip PVC sepanjang 7.5 kilometer bagi membaiki pulih dan membina semula sistem pembedungan dan bekalan air di Gaza, diiringi kapal peronda tentera Mesir ke pelabuhan terdekat 30 batu nautika dari kawasan itu.

Sebelum itu, kapal misi kemanusiaan tajaan Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) itu diarah menurunkan sauh di perairan Mesir sambil dikawal dan dipantau kapal peronda tentera laut Israel dan Mesir.

Jurucakap PGPF di Jordan, Tan Sri Samsudin Hitam memaklumkan mengenai insiden itu kepada wartawan *Berita Harian* yang kini berada di Kaherah untuk memasuki Gaza melalui sempadan Rafah bagi melaporkan perkembangan misi kemanusiaan tajaan yaysan itu.

"Kapal kargo itu memasuki zon keselamatan Palestin sebelum dipintas dan ditembak serta dipaksa berundur ke perairan Mesir," katanya.

Wartawan akhbar *News Straits Times*, Alang Bendahara yang berada atas kapal itu berkata, dua kapal peronda Israel melepaskan empat tembakan amaran sebelum mengarahkan kapal berundur ke perairan Mesir.

"Tentera rejim itu juga menaiki kapal bagi memeriksa kargo yang dibawa bagi memastikan ia bukan bahan larangan," katanya.

Kapal kargo itu berlepas dari pelabuhan Piraeus, Greece, Rabu lalu, membawa paip PVC seberat 30 tan yang akan diagihkan kepada penduduk Palestin untuk membaiki sistem pembedungan dan bekalan air yang musnah teruk akibat serangan Israel pada Disember 2008.

Misi bantuan kemanusiaan PGPF itu bertujuan memecahkan kepungan Israel terhadap perairan Gaza sejak 2007, selain meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai krisis kemanusiaan 1.5 juta warga Palestin yang dikeping dari darat dan laut oleh rejim zionis.

Kapal itu dikemudi rakyat Malaysia, Kapten Abdul Jalil Mansor yang dibantu empat krew iaitu Zainuddin Mohamad dan Mohd Jaffery Ariffin (warga Malaysia) dan dua



KREW kapal *The Spirit Of Rachel Corrie* bersiap sedia memulakan perjalanan dari Greek menuju ke Palestin untuk menghantar bantuan kemanusiaan anjuran PGPF.



Iskandar Alang Bendahara



Mohd Faizal Hassan



Zainuddin Mohamad



Mohd Radzillah Abdullah



Mohd Jaffery Ariffin



Kapten Abdul Jalil Mansor

warga India, Sharma Chandan Shilma dan Pal Satya Prakash. Misi itu turut membawa Wartawan *BERNAMA*, Mohd Faizal Hassan dan petugas sukarela FELDA, Mohd Radzillah Abdullah.

Ia adalah kesinambungan daripada pelayaran kapal kargo *MV Rachel Corrie* yang membawa bantuan kemanusiaan pelbagai keperluan seberat 1,500 tan ke Gaza pada Mei tahun lalu sebelum ditahan tentera Israel dengan 19 krew dan penumpang dibawa ke Pelabuhan Ashdod. *MV Rachel Corrie* antara tujuh buah kapal yang menyertai misi flotilla

"Kapal kargo itu telah memasuki zon keselamatan Palestin sebelum dipintas dan ditembak serta dipaksa berundur ke perairan Mesir"

Samsudin Hitam
Jurucakap PGPF di Jordan

kebebasan diketuai kapal penumpang *MV Mavi Marmara* dari Turki bertujuan menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Flotila kebebasan yang membatik lebih 700 penumpang dan aktivis pelbagai latar belakang agama dan bangsa dari seluruh dunia itu gagal sampai ke destinasi, nartun kematian sembilan aktivis Turki yang ditembak mati komando Israel dan meninggalkan puluhan lain cedera, mengembalikan tumpuan masyarakat dunia kepada krisis kemanusiaan yang semakin menekan di Gaza.